

05 APR 1999

Mahathir-Ikram

JADIKAN ALAF BARU TARIKH MULA JAYAKAN WAWASAN 2020, KATA MAHATHIR

KAJANG, 5 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu supaya kemunculan alaf baru menjadi tarikh permulaan bagi penduduk negara ini mempertingkatkan usaha menjayakan Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia negara maju.

Perdana Menteri berkata kedatangan alaf baru akan membawa cabaran globalisasi dan teknologi maklumat dalam semua kehidupan manusia, baik dalam bidang ekonomi, sosial, pendidikan, perniagaan, perindustrian dan lain-lain.

"Kita tidak dapat menyalahkan diri daripada perubahan ini. Apa yang perlu ialah kita menyediakan diri supaya dapat menangani cabaran dan merebut peluang dari perubahan-perubahan ini," katanya pada pelancaran Kolej Ikram di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Namun begitu, Dr Mahathir kecewa kerana peruntukan yang disediakan oleh kerajaan untuk bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) tidak digunakan sepenuhnya oleh institusi-institusi penyelidikan.

Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada Kumpulan Ikram Sdn Bhd kerana usahanya menjalankan R&D dalam bidang aplikasi multimedia untuk sistem maklumat geoteknikal bagi tanah di negara ini.

Dr Mahathir juga menggesa rakyat supaya mempunyai sikap selalu ingin tahu, ingin belajar, ingin menyelidik, ingin mencipta sesuatu yang baru yang berlainan daripada apa yang sudah ada dan tekun sehingga berjaya.

Menurut beliau, jika rakyat mempunyai sikap sedemikian, "tidak dapat tidak kita akan menjadi bangsa yang maju yang dapat bersaing dengan jayanya dengan orang lain."

"Kita tidak harus ingat bahawa kecekapan membuat R&D cuma ada pada orang lain atau bangsa tertentu sahaja. Sebenarnya, kita juga mempunyai kebolehan yang sama. Mereka juga mengakui banyak juga penyelidikan dan pembangunan yang telah diusahakan di negara ini, terutama dalam bidang pertanian," katanya.

Perdana Menteri berkata pencapaian negara dalam bidang seperti mekanikal, elektrik dan elektronik, perubatan dan beberapa bidang lain masih berkurangan.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata keharmonian dan keamanan merupakan asas bagi sesebuah negara untuk membina kemakmuran, kemajuan dan seterusnya tamadun bangsa.

"Semua cita-cita dan impian indah sesebuah negara akan lebur tanpa keharmonian dan keamanan. Negara-negara merdeka yang kaya sekalipun tidak dapat mengekalkan kemerdekaan dan kekayaan mereka tanpa keamanan," katanya.

Justeru itu, Perdana Menteri meminta supaya rakyat terus sama-sama menguatkan perpaduan demi mengekalkan keharmonian dan keamanan.

"Perpaduan dan persefahaman hendaklah dalam erti kata yang menyeluruh, baik sesama insan, kaum, masyarakat dan juga antara agensi kerajaan dan pihak swasta," katanya.

Beliau berkata budaya juga memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan sama ada sesuatu bangsa itu maju atau mundur.

Dr Mahathir berkata walaupun budaya adalah diwarisi tetapi pengaruh semasa juga mempunyai kesan dalam membentuknya.

"Oleh itu, kita boleh secara sedar membentuk budaya yang boleh memberi kemajuan dan kejayaan kepada kita," katanya.

Mengenai dasar penswastaaan, Dr Mahathir berkata banyak agensi telah diswastakan dan sehingga kini, ternyata kebanyakannya telah membawa manfaat kepada negara.

Kerajaan sentiasa peka dan akan meneliti sebarang kelemahan dalam dasar penswastaaan, kata beliau.

"Penswastaaan juga memberi kesempatan kepada kita menjayakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu menghapuskan identifikasi kaum dengan pekerjaan," katanya.

Beliau berkata tuduhan orang asing kononnya DEB menguntungkan beberapa kroni dan keluarga pemimpin kerajaan adalah disebabkan kebencian mereka kepada kaum Bumiputera yang mereka capkan sebagai bodoh, pemalas dan sebagainya.

"Sikap mereka adalah sikap racist yang menganggap orang Asia tidak mungkin jujur," katanya.

Yang turut hadir ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Timbalan Menteri Sain, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud.

-- BERNAMA

APG FAZ